

MANUAL PELAN INDUK LANDSKAP

MAJLIS PERBANDARAN DAN MAJLIS DAERAH
MALAYSIA



MALAYSIA



Kandungan

1.0	Pendahualan	01
1.1	Tujuan Penyediaan Manual Pelan Induk Landskap (PIL)	02
2.0	Carta Alir Proses Penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap	04
3.0	Kawasan Kajian	05
3.1	Tajuk Kajian Pelan Induk Landskap	06
3.2	Kriteria Menentukan Keluasan / Saiz Sesuatu Kawasan	06
4.0	Penyediaan Asas Rujukan	08
4.1.	Kandungan Asas Rujukan	09
4.1.1	Asas Keperluan Kajian	09
4.1.2	Wawasan Pembangunan Landskap	09
4.1.3	Matlamat Kajian	09
4.1.4	Objektif Kajian	10
4.1.5	Rumusan Dasar Yang Berkaitan	10
4.1.6	Tempoh Perancangan Pembangunan	10
4.1.7	Panduan Perancangan dan Pengurusan	10
4.1.8	Skop kajian	11
4.1.9	Tempoh Kajian dan jadual Kajian	14
4.1.10	Penerangan Ringkas Output Kajian	14
5.0	Penyediaan Dokumen Kajian Pelan Induk Landskap	15
5.1.	Kandungan Asas Pelan Induk Landskap	15
5.1.1	Pemantapan Matlamat Kajian	15
5.1.2	Perincian Objektif-Objektif Kajian	15
5.1.3	Pengenalpastian Ciri-Ciri Kawasan Kajian	15
5.2	Penyediaan dan Perincian Methodologi Kajian Pelan Induk Landskap	17
5.3	Merangka Hasil Output Pelan Induk Landskap	19
5.4	Pembentukan Garis Panduan Pembangunan Landskap	20



6.0	Bentuk Persembahan Pelan Induk Landskap	23
6.1.	Laporan Awal	23
6.2	Laporan Teknikal	24
6.2.1	Kajian Taburan Bandar dan Penempatan Kawasan Kajian	25
6.2.2	Kajian Ciri – Ciri Fizikal dan Gunatanah	27
6.2.3	Kajian Rekabentuk Bandar	29
6.2.4	Kajian Kawasan Lapang dan Kemudahan Rekreasi	30
6.2.5	Kajian Demografi Penduduk	31
6.2.6	Kajian Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber Landskap Semulajadi	33
6.3	Laporan Konsep	34
6.4	Deraf Laporan Pelan Induk Landskap	34
6.5	Laporan Akhir Pelan Induk Landskap	35
6.6	Penyerahan Laporan	35
6.7	Pelan	37
6.7.1	Penggunaan sistem Maklumat Geografi (GIS)	37
6.7.2	Pelan Cadangan Keseluruhan	38
6.7.3	Lakaran – Lakaran Gambar	38
6.8	Penggunaan Bahasa	38
6.9	Unit Ukuran	38
6.10	Peralatan	38
6.11	Lawatan Teknikal	41
6.12	Bengkel	41
6.13	Publisiti	42
7.0	Dokumen Pelan Induk Landskap	43
7.1	Maklumat – Maklumat Asas Kawasan	44
7.2	Ciri – Ciri Fizikal	45
7.3	Ciri – Ciri Sosial Budaya	45
7.4	Ciri – Ciri Landskap	46
7.5	Hasil Sintesis Kajian	49
7.6	Cadangan Perancangan Landskap	49
7.6.1	Asas dan Tujuan Perancangan	49
7.6.2	Dasar dan Strategi Perancangan Landskap	49
7.6.3	Konsep Pembangunan Landskap	52
7.6.4	Cadangan Pembangunan Keseluruhan	54
7.6.5	Jadual Pembangunan Keseluruhan	55
7.6.6	Cadangan Pengurusan	55
7.6.7	Anggaran Kos Pembangunan Landskap	55
7.7	Kawasan Tindakan Pembangunan	55
7.8	Prosedur Kawalan Pembangunan	57



7.9	Keperluan Kawasan Landskap di Kawasan Gunatanah	58
7.9.1	Kawasan Perumahan	59
7.9.2	Kawasan Perindustrian	59
7.9.3	Kawasan Perniagaan	59
7.9.4	Kawasan Tumpuan / Pusat Bandar	59
7.9.5	Kawasan Lapang dan Hirarki Kawasan Lapang dan Permainan	60
7.9.6	Kawasan Pertanian	60
7.9.7	Kawasan Pemuliharaan Landskap	60
7.9.8	Kawasan Kegunaan Khas	61
7.9.9	Kawasan Rezab Utiliti	61
<hr/>		
8.0	Penglibatan Professional	62
9.0	Pengurus Projek	63
10.0	Jawatankuasa Kajian	64
10.1	Jawatankuasa Penyelaras	64
11.0	Penutup	65
12.0	Lampiran	66

Prakata



**Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara**

Manual Pelan Induk Landskap adalah merupakan satu dokumen rujukan yang dihasilkan oleh Jabatan Landskap Negara dengan tujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan landskap di negara ini. Sebagai sebuah jabatan yang mempelopori penyediaan Pelan Induk Landskap, Jabatan Landskap Negara mempunyai pengalaman yang luas mengenai tatacara dan keperluan perancangan landskap. Dokumen Pelan Induk Landskap disediakan berasaskan kepada keperluan pembangunan landskap di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Adalah diharapkan Manual Pelan Induk Landskap akan membantu semua pihak didalam pembangunan landskap bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

A handwritten signature in white ink, consisting of a long horizontal stroke with a small loop and a tail that curves downwards to the right.

Dato' Hj. Ismail b. Ngah

1.0 | Pendahuluan

Matlamat untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah perlu disokong oleh perancangan dan tindakan yang menyeluruh di dalam pembangunan landskap. Setiap bandar atau kawasan di Malaysia memerlukan pembangunan landskap yang teratur dan komprehensif.

Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) merupakan satu dokumen pernyataan bertulis yang mengandungi perancangan landskap dan pelan tindakan jangka panjang untuk tempoh 10 tahun bagi pembangunan landskap di sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia menggariskan cadangan dalam bentuk polisi, strategi, kaedah kawalan, garis panduan pelaksanaan dan cadangan projek landskap yang sesuai untuk pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Penyediaan dan pelaksanaan Pelan Induk Landskap adalah penting sebagai satu tindakan untuk mencapai hasrat kerajaan menjadikan 'Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang 2020'. Pelaksanaannya telah dimulakan di PBT yang bertaraf Ibu Negeri, Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan seterusnya merangkumi kawasan Majlis Daerah. PIL dapat memandu Pihak Berkuasa Tempatan di dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan landskap dengan lebih terancang, lebih 'cost-effective' di samping mengurangkan projek-projek secara 'ad-hoc'. Di samping itu, PIL dapat dijadikan asas rujukan bagi perancangan, pengekalan landskap semulajadi, pelaksanaan, kawalan dan penguatkuasaan pembangunan landskap serta pengurusan landskap.





1.1



Tujuan Penyediaan Manual Pelan Induk Landskap

Manual Pelan Induk Landskap disediakan dengan tujuan untuk memberi panduan yang lengkap supaya pendekatan dan kandungan Kajian Pelan Induk Landskap dapat diseragamkan dan memberi panduan kepada agensi kerajaan khususnya Jabatan Landskap Negara dan PBT di dalam menjalankan pengawasan perjalanan Kajian. Pelan Induk Landskap juga dapat dijadikan asas kepada penyediaan persekitaran kehidupan (*living environment*) yang selesa dan selamat serta memastikan keseimbangan pembangunan fizikal dengan alam sekitar melalui pengekalan kawasan semulajadi, pembangunan taman awam, pembangunan landskap di setiap kawasan lapang termasuk usaha penyelenggaraannya.

Manual ini disediakan dengan tujuan untuk :

- 1.1.1 Menentukan format yang jelas tentang perancangan landskap secara keseluruhan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.
- 1.1.2 Mengemukakan panduan yang lengkap supaya pendekatan, bentuk dan kandungan Kajian Pelan Induk Landskap (PIL) dapat diseragamkan dan memudahkan semua pihak yang terlibat di dalam pelaksanaannya.





1.1.3

Sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak perunding tentang kandungan Kajian Pelan Induk Landskap.

Perincian cadangan sesuatu Kajian PIL bergantung kepada tujuan untuk menjelaskan tatacara bagi penyediaan persekitaran kehidupan yang selesa, pembangunan taman-taman awam dan kawasan rekreasi yang berpotensi, pengkalan dan pengkayaan sumber landskap semulajadi yang dapat menyokong kepada pembangunan ekonomi setempat.

Carta Alir Proses Penyediaan kajian Pelan Induk Landskap

PERINGKAT KAJIAN	TINDAKAN DAN PERINGKAT KELULUSAN	PERAKUAN PEMBAYARAN
<p>KAJIAN AWAL</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan Data • Pendekatan dan kaedah Kajian 	<p>PERINGKAT KELULUSAN</p> <p>PERUNDING AWAL</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Teknikal Dan Penyelarasan Untuk Taklimat Awal Dan Kelulusan.</p>	10%
<p>KAJIAN TEKNIKAL</p> <ul style="list-style-type: none"> • kaji selidik, pengumpulan data, dan analisis teknikal • Potensi, Isu dan halangan • sintesis • Cadangan awal 	<p>PERINGKAT KELULUSAN</p> <p>PERUNDING TEKNIKAL</p> <p>Pengumpulan Maklumat Data dan Kaji selidik</p> <p>PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN TEKNIKAL UNTUK PERAKUAN DAN KELULUSAN OLEH JAWATANKUASA PENYELARASAN</p> <p>PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN TEKNIKAL UNTUK PERAKUAN DAN KELULUSAN OLEH JAWATANKUASA TEKNIKAL</p>	30%
<p>KONSEP PEMBANGUNAN LANDSKAP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengcadangkan konsep pembangunan keseluruhan kawasan kajian berdasarkan cadangan awal • Menentukan tema dan pendekatan cadangan 	<p>PERINGKAT KELULUSAN</p> <p>PERUNDING KONSEP</p> <p>Perunding Menyediakan Laporan Konsep Pembangunan Landskap Untuk Perakuan Dan Keleulusan Oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Penyelarasan</p>	10%
<p>PELAN INDUK LANDSKAP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengandungi ringkasan penemuan daripada laporan awal dan laporan teknikal • Konsep pembangunan landskap • Mencadangkan pendekatan pembangunan landskap • Mencadangkan pembangunan landskap untuk keseluruhan kawasan kajian • Mengenalpasti projek pembangunan landskap untuk kawasan kajian. • Menyediakan lukisan dan cadangan terperinci untuk 5 kawasan utama. 	<p>PERINGKAT KELULUSAN</p> <p>PERUNDING DRAF</p> <p>Perunding Menyediakan Draf Laporan Pelan Induk Landskap Dan Menyemak Laporan Tersebut Untuk Perakuan Dan Kelulusan Dan Kelulusan Jawatankuasa Teknikal Dan Jawatankuasa Penyelarasan.</p> <p>PERUNDING MENYEDIAKAN DRAF PELAN INDUK LANDSKAP</p> <p>Bengkel Sesi Semakan Akhir Sebelum Cetakan</p> <p>Dikemukakan Kepada Majlis Penuh Pihak Berkuasa Tempatan Untuk Terima Pakai</p> <p>Laporan dibentangkan ke mesyuarat jawatankuasa perancang negeri dan untuk makluman</p> <p>PERCETAKAN</p> <p>Pihak Berkuasa Tempatan Menerima Dan Menggunakan Pakai Laporan Pelan Induk Landskap Yang Telah Disiap</p>	30%
		20%

3.0

Kawasan Kajian

Di dalam proses penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap (PIL), Pihak Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengenalpasti kawasan kajian dan menyediakan asas-asas bagi penyediaan pelan kawasan kajian. Untuk tujuan ini, PBT boleh mengenalpasti kawasan untuk memulakan tindakan khusus dan terperinci untuk memajukan, memajukan semula, mengindahkan, memperelokkan, memulihara dan memulihkan atau amalan pengurusan dan penyelenggaraan landskap kepada kawasan kajian berkenaan.

Keluasan kawasan kajian adalah merangkumi keseluruhan kawasan kawalan Pihak Berkuasa Tempatan dan sekitar kawasan di bawah pentadbirannya termasuk pulau-pulau yang berkaitan. Kajian juga perlu meliputi kawasan pembangunan sekitar serta pengaruhnya terhadap kawasan kajian sama ada dalam jangka masa pendek atau dalam jangka masa panjang.

Bagi memenuhi matlamat kajian, segala maklumat dan data yang dinyatakan hendaklah dikemukakan dengan maklumat sokongan seperti pelan, peta atau gambarajah yang berkaitan.





3.1

Tajuk Kajian

Pelan Induk Landskap

Suatu Kajian Pelan Induk Landskap hendaklah diberi tajuk yang mana hendaklah termasuk nama PBT sewajarnya. Contohnya : *Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Muar.*

3.2

Kriteria Menentukan Keluasan / Saiz sesuatu Kawasan Kajian Pil

Penentuan kawasan untuk pelaksanaan Kajian pelan Induk Landskap adalah berdasarkan kepada sempadan pentadbiran daerah / jajahan mengikut kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.




Gambar-gambar sumberjaya landskap sedia ada di kawasan kajian.



PelanKunci



PelanLokasi



PelanTapak

Petunjuk :

- Sempadan Kawasan Kajian
- Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Muar (PBPTDM)
- Majlis Perbandaran Muar (MPM)
- Badan Air
- Jaringan Jalanraya

Sumber rujukan : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002



Dengan Skala

CONTOH PELAN KAWASAN KAJIAN



4.0 Penyediaan Asas Rujukan



Asas Rujukan Kajian disediakan sebagai panduan utama bagi penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap (PIL). Ianya merupakan pernyataan mengenai matlamat dan objektif kajian serta rumusan daripada Dasar Landskap Negara yang mempunyai kesan terhadap kawasan kajian serta aspek-aspek yang hendak dikaji, skop dan liputan kajian, output-output yang akan dihasilkan, cadangan pembangunan serta anggaran kos bagi setiap cadangan.

4.1 Kandungan Asas Rujukan

4.1.1 Asas Keperluan Kajian


Bahagian ini menerangkan asas penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap yang berlandaskan rumusan Dasar Landskap Negara. Ia menerangkan perletakan dan sempadan kawasan kajian mengikut kawasan kawalan PBT yang merangkumi kawasan-kawasan pembangunan sedia ada beserta kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dipelihara selaras dengan keperluan pembangunan landskap bagi kawasan tersebut.

4.1.2 Wawasan Pembangunan Landskap

Wawasan pembangunan landskap mengandungi kenyataan arah tuju kerajaan di dalam pembangunan kawasan Kajian PIL dan dijadikan asas serta justifikasi kepada cadangan-cadangan yang disertakan di dalam kajian. Wawasan ini juga mencorakkan matlamat, objektif dan skop pembangunan kawasan kajian.

4.1.3 Matlamat Kajian

Menterjemah wawasan ke dalam asas rangka kerja perancangan bagi penyediaan Kajian PIL.





4.1.4

Objektif Kajian

Objektif kajian Pelan Induk Landskap menyenaraikan ruang lingkup / aspek-aspek yang perlu dikaji selaras dengan matlamat Kajian Pelan Induk Landskap.

4.1.5

Rumusan Dasar yang berkaitan

Rumusan Dasar bukan sahaja meliputi Dasar Landskap Negara tetapi meliputi dasar-dasar lain seperti Dasar Pembangunan Nasional serta isu-isu pembangunan landskap di kawasan kajian sebagai *input* kepada pembentukan wawasan, matlamat dan objektif kajian. Ini termasuk pengenalan sumber landskap semulajadi, '*landscape character*', potensi dan keperluan pembangunan landskap di seluruh kawasan Kajian Pelan Induk Landskap.



4.1.6

Tempoh Perancangan Pembangunan

Kajian ini hendaklah menyediakan perancangan pembangunan landskap untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun bagi mencapai wawasan dan matlamat kajian.



4.1.7

Panduan Perancangan dan Pengurusan

Status perancangan, pelaksanaan, pengurusan dan kawalan pembangunan landskap sedia ada di kawasan kajian perlu diterangkan sebagai asas penyediaannya.



4.1.8

Skop Kajian

Berasaskan wawasan dan matlamat kajian, bidang kajian perlu ditekankan untuk memandu perunding di dalam mengenal pasti dan menamakan kepakaran - kepakaran yang diperlukan di dalam penyediaan Kajian PIL.

